



جانبازا اسلامي نڀر

jaipk.perak.gov.my



**MAC
2021**

**JABATAN AGAMA ISLAM
NEGERI PERAK**
KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN,
JLN PANGlima BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH, PERAK
EMEL: ukmjaipk@gmail.com
TEL : 05-208 4800
FAX : 05-255 5512
ISSN 2773-5591

الضوءات

Ramadhan mendidik jiwa hamba

**TEKA
SILANG
KATA**

MS18

**PENGAJARAN
BADAR
KUBRA**
MS9

**KEHARMONIAN
KELUARGA
KETIKA
RAMADHAN**
MS8


**PUASA
TANPA
TAQWA**
MS5

POSTER

**DENGAN
SIAPA SAYA
WAJIB
MENUTUP
AURAT DAN
HARAM
BERSALAM**

RAMADHAN

Selamat menunaikan ibadah puasa





Minda Pengarah JAIPk

Ramadhan

Mendidik Jiwa Hamba

Assalamualaikum WBT.

Ramadhan bukan sekadar menahan keperitan lapar dan dahaga. Lebih dari itu ia kesempatan menggapai keberkatan dan kejernihan iman sekaligus mukmin. Ia medan jihad mengekang jiwa insan yang membuka pintu mujahadah, mengungkap bicara berhikmah dan memerah keberkatan umur menjejak jalan Rasulullah SAW.

Ibadat puasa memberi erti mengalahkan runtunan nafsu dan kebiasaan. Ia bekalan yang menghiasi perjalanan jiwa menuju keredhaan Allah SWT. Terasa kehebatan puasa Ramadhan ini bila menekuni ungkapan hadis Qudsi “setiap amalan anak Adam adalah untuk mereka melainkan puasa kerana ia untuk-Ku dan Aku yang memberi ganjaran dengannya”

Ramadhan menyediakan ruang merealisasikan keadilan, kebersamaan serta pembebasan kebergantungan selain dari Allah SWT. Rasulullah SAW digambarkan sebagai insan yang paling lancar setiap amalan kebajikannya. Baginda menterjemahkan perintah Allah SWT agar berlumba-lumba melakukan kebaikan sehingga Baginda digambarkan dalam hadis Ibnu Abbas RA betapa setiap amalan kebaikan Baginda adalah lebih lancar dari hembusan bayu.

Ramadhan adalah saat keberkatan melayan insan yang memerlukan pembelaan, menyantuni fakir miskin, anak yatim termasuk balu-balu yang bersendirian membesarkan anak mereka. Tidak dilupakan Ramadhan juga mencatatkan kegemilangan umat Islam mengekang keangkuhan manusia seperti kemenangan di medan Badar, pembukaan kota Mekah dan pendaratan armada Islam di selatan pantai Andalus. Ramadhan juga menjadi saksi kemenangan Panglima Solahuddin Al Ayyubi ke atas tentera salib di beberapa wilayah sehingga berjaya membebaskan bumi Al Aqsa. Kemuliaan Ramadhan dan rangkuman peristiwa besar di dalamnya menggambarkan betapa Ramadhan adalah kurniaan besar sekaligus hamba melipatgandakan amalan, memperbaharui tekad dan mengumpul bekalan perjalanan memakmurkan kehidupan dengan kesejahteraan.

Selamat berpuasa dengan penuh ketaatan.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَ عَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

S.F DATO' HAJI MOHD YUSOP BIN HAJI HUSIN
Pengarah, Jabatan Agama Islam Perak

ISI KANDUNGAN

EDISI 3 / 2021



Platform berteraskan
'Al Fahmu' mencelik minda
dan penghayatan pegangan Ahli
Sunnah Wal Jamaah menggapai
keredhaan Allah.

SIDANG PENGARANG

PENERBIT :

Jabatan Agama Islam Perak

Ketua Pengarang :

Mohd Azam Bin Hamzah, A.M.P

Ketua Editor :

Ideris Bin Isahak

Editor :

Nadya Bt Jamri

Muhamad Shahir Bin Zainul Mokhtar

Wan Suzana Bt Mior Azimi

Ahmad Aiman Bin Abdullah Chik



- 4 **Al-Quran** Hidangan Ramadhan
- 5 **Puasa** Tanpa Taqwa
- 6 **Amalan Pemakanan Dalam Bulan Ramadhan**
Dari Sahur Ke Iftar
- 7 **Adab-Adab Ketika** Menyambut Eidul Fitri
- 8 **Keharmonian Keluarga**
Ketika Ramadhan
- 9 **Pengajaran Daripada** Badar Kubra
- 10 **Ramadhan** Kesempatan
Memperkukuhkan Akidah
- 11 **Tidak Menghormati** Ramadhan
- 12 **Smart Quran**
Aplikasi Quran Telefon Pintar
- 13 **Hadis Dan Doa Pilihan :**
Berpuasa Di Bulan Ramadhan Kerana Allah
- 14 **Intisari** Khutbah Jumaat
- 15 **Warta** JAIPk
- 16 **Warta** JAIPk
- 17 **Warta** JAIPk
- 18 **Peraduan** Teka Silang Kata
- 19 **Soal Jawab** Pengubatan Islam

Al-Quran Hidangan Ramadhan

(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadhan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Surah Al-Baqarah: 185

Sebut sahaja bulan Ramadhan, antara yang lazim terbayang di fikiran kita ialah aktiviti bertadarus al-Quran. Bulan Ramadhan adalah satu-satunya bulan yang disebut di dalam al-Quran berkaitan dengan penurunan al-Quran. Para ulama' silam mengatakan "Bulan Ramadhan hidangannya adalah al-Quran". Menjadi kebiasaan masyarakat hari ini, setiap kali datangnya Ramadhan mereka akan mengadakan program bertadarus al-Quran di masjid atau surau. Persoalannya di sini, adakah aktiviti bertadarus yang dijalankan tersebut bertepatan dengan konsep sebenar bertadarus cara Rasulullah SAW?

Tadarus al-Quran bermaksud membaca, memahami dan mengkaji kandungan al-Quran. Ia membawa erti membaca al-Quran sambil memahami segala pengajaran dan intipati yang terdapat di dalamnya. Amalan segelintir masyarakat yang berlumba-lumba untuk segera khatam al-Quran tanpa mengambil sebarang faedah daripada isi al-Quran sewajarnya ditambah baik dengan sesi tadabbur isi kandungan ayat yang dibaca.

Sebenarnya program tadarus al-Quran yang saban tahun diadakan di dalam komuniti ketika menjelang bulan Ramadhan adalah peluang terbaik untuk memperbaiki kualiti bacaan, mempelajari hukum tajwid dan memahami lebih terperinci ilmu al-Quran. Kaedah terbaik melakukan tadarus ini ialah dengan mewujudkan satu halaqah yang saling mendengar bacaan dan memberi teguran jika berlaku kesalahan. Cara ini lebih efektif kerana wujudnya suasana pembelajaran sesama ahli di dalam halaqah tersebut dan dapat mengeratkan silaturrahim.

Apabila selesai sesi bacaan al-Quran, ia boleh diselangi dengan membaca terjemahan ayat dan ditambah dengan sedikit penerangan daripada kitab-kitab tafsir bagi meningkatkan kefahaman. Amalan ini amatlah bertepatan dengan konsep bertadarus kerana ia memberi peluang

setiap ahli halaqah untuk menghayati dan memandu kehidupan dengan al-Quran.

Membaca al-Quran bukanlah satu kerugian malah pembacanya akan dilimpahi dengan keberkatan dan keuntungan di dunia dan akhirat.

Abdullah bin Mas'ud menyatakan, Rasulullah SAW bersabda bermaksud:

"Sesiapa membaca satu huruf daripada al-Quran maka dia melakukan satu kebaikan. Dan satu kebaikan itu dilipatgandakan sepuluh kali. Saya tidak mengatakan Alif Lam Mim itu satu huruf, melainkan Alif itu satu huruf, Lam satu huruf dan Mim satu huruf." (Sunan Tirmizi)

Mafhum hadis ini sesiapa yang membaca al-Quran Allah SWT akan memberi ganjaran setiap huruf yang dibaca di dalam al-Quran dengan 10 kebaikan.

Selain itu, manfaat yang besar boleh diperoleh daripada bacaan al-Quran ialah al-Quran akan hadir sebagai syafaat kepada para pembacanya di akhirat kelak.

Hal ini jelas disebutkan di dalam sebuah hadis iaitu: Daripada Abu Umamah RA, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

"Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat sebagai syafaat kepada para pembacanya". Riwayat Muslim (804).

Semoga Ramadhan kali ini menjadikan kita insan yang cintakan al-Quran, mentarbiyah diri untuk terus istiqamah mentadabbur al-Quran setiap hari walaupun sekurang-kurangnya sepotong ayat sahaja.

Berdoalah kepada Allah SWT agar diberi taufiq kepada kita untuk melakukan ibadah dengan sebaiknya.

Manfaatkanlah ruang masa siang dan malam agar dipenuhi dengan perkara-perkara yang mendatangkan keuntungan pahala, insya-Allah.

PUASA TANPA TAQWA

Disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya: “Barang siapa berpuasa Ramadhan atas dasar iman dan mengharap pahala daripada Allah SWT, maka dosanya yang telah lalu akan diampuni.”

Riwayat al-Bukhari (38) dan Muslim (760)

Berdasarkan kepada hadis ini, Islam mengajar kita melakukan ibadah puasa dengan bersungguh-sungguh dengan penuh ketaqwaan dan mengharap pengampunan dosa daripada Allah SWT. Ini adalah konsep sebenar puasa yang dilaksanakan dengan sempurna.

Oleh yang demikian, untuk memenuhi konsep puasa yang sebenar, kita mesti menjauhi perkara-perkara yang boleh merosakkan ketaqwaan dan mencacatkan pahala puasa.

Adakalanya terdapat orang berpuasa tetapi tidak menunaikan kewajipan solat. Walaupun ada pandangan yang mengatakan puasanya sah, namun ianya adalah sia-sia dan tidak mendapat pahala. Bukankah itu satu perbuatan yang merugikan? Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi melalui kitabnya, *Fatawa Muasirah* mengatakan orang Islam dituntut melakukan semua ibadat, iaitu mendirikan solat, membayar zakat dan berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan haji jika berkemampuan. Sesiapa yang meninggalkan salah satu ibadat ini tanpa keuzuran, dia telah melampaui batas terhadap Allah SWT.

Dalam masa yang sama, segelintir orang yang berpuasa tetapi tidak memelihara pandangan matanya. Mereka yang melihat perkara-perkara maksiat sekaligus akan mengurangkan pahala puasa. Sepatutnya anugerah penglihatan kurniaan Allah SWT itu digunakan untuk melihat kebesaran Allah SWT agar ianya mendapat ganjaran pahala dan menghadirkan keinsafan kepada diri betapa kerdil kehidupan seorang manusia.

Hukum hakam berkaitan aurat hangat diperkatakan dalam persoalan puasa. Ini kerana, konsep puasa yang dianjurkan Islam adalah menjurus ketaatan kepada perintah Allah SWT. Perbuatan tidak menutup aurat dengan sempurna sangat

tersasar daripada konsep puasa yang sebenar. Aurat wajib dijaga oleh setiap individu muslim kerana agama Islam sangat mementingkan kesopanan dan kehormatan diri. Sempena dengan bulan yang mulia ini, persoalan menutup aurat ini patut dititikberatkan selari dengan tarbiyah Ramadhan untuk melahirkan jiwa-jiwa yang bersih, keperibadian dan keterampilan mulia sebagai seorang muslim.

Amalan pembaziran pula sangat sinonim dengan sifat dan amalan syaitan. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Isra' ayat 27 yang bermaksud:

Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.

Ujian lapar dan dahaga ketika berpuasa menyebabkan semua juadah kelihatan sangat menyelerakan. Walaubagaimanapun, pembaziran wajib dielakkan dengan memperbanyakkan amalan berkongsi rezeki kepada yang memerlukan.

Sebenarnya ibadah yang diperintah oleh Allah SWT, kebaikan dan manfaatnya adalah untuk kita sama ada di dunia mahupun akhirat. Ibadah adalah perintah Allah SWT yang bertujuan untuk menyuburkan 'jiwa hamba' di kalangan hambaNya. Sama ada suka atau pun sebaliknya, ibadah wajib dilakukan dengan sempurna kerana ia adalah syariat Allah SWT. Bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah Az-Dzaariyat, ayat 56 yang bermaksud:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Amalan Pemakanan Dalam Bulan Ramadhan Dari Sahur Ke Iftar

Puasa Ramadhan ertinya menahan diri daripada makan dan minum serta segala perbuatan yang boleh membatalkan puasa, mulai dari terbit fajar sehinggalah terbenam matahari pada bulan Ramadhan. Selain mentaati perintah Allah SWT, puasa juga memberi ruang kerehatan sistem pencernaan di dalam tubuh badan dan dapat mengawal kecenderungan hawa nafsu. Secara tidak langsung amalan puasa akan menyuburkan sikap murni dalam diri.

1

Bersederhana Ketika Bersahur

Amalan bersahur amat penting untuk membantu menambahkan tenaga ketika seharian berpuasa. Waktu bersahur yang digalakkan adalah sekurang-kurangnya setengah jam sebelum waktu imsak.

Semasa bersahur, adalah digalakkan mengambil makanan yang berasaskan karbohidrat kompleks seperti nasi, roti atau biskut penuh dan oat.

Makanan jenis ini memerlukan masa yang lama untuk dicerna dan mengurangkan rasa lapar. Karbohidrat kompleks mengambil masa kira-kira 8 jam untuk dicernakan sepenuhnya.

Ambil sumber protein kerana struktur protein yang lebih kompleks akan melambatkan lagi proses pencernaan.

Pilihlah protein yang rendah *Biological Value* (BV) kerana semakin rendah nilai BV, maka lebih lambat protein itu diguna pakai oleh badan.

2

Menyegerakan Berbuka Puasa

Semasa berbuka puasa, digalakkan mengambil makanan yang ringkas terlebih dahulu. Ini adalah untuk mengelakkan ketidakselesaan kepada sistem penghadaman kita.

Mulakan dahulu dengan buah tamar kerana ia mengandungi fruktosa yang boleh memberi tenaga segera. Buah tamar juga mengandungi enzim yang boleh membantu proses penghadaman untuk makanan yang kita makan seterusnya.

Disunatkan menyegerakan berbuka puasa. Waktu paling afdal ialah ketika azan dilaungkan.

Berbuka puasa secara sederhana. Jauhkan diri daripada makan terlalu banyak ibarat mahu melepaskan geram selepas sehari suntuk tidak menjamah makanan dan minuman.

Mengambil air yang mencukupi sama ada dalam bentuk minuman ataupun sup untuk mengelakkan dehidrasi.

Pengambilan makanan yang pedas serta berempah pula tidak digalakkan semasa berbuka kerana dikhuatiri akan menimbulkan ketidakselesaan kepada perut.

ADAB-ADAB KETIKA MENYAMBUT EIDUL FITRI

Mandi, memakai bau-bauan dan memakai pakaian yang bersih dan cantik. Said bin al-Musayyib berkata: *"Sunat-sunat hari raya ada tiga: "Berjalan ke tempat solat, makan sebelum keluar dan mandi."*

Sunat bersegera ke masjid pada pagi hari raya. Bagi imam yang ingin mengimamkan solat Edul Fitri disunatkan untuk hadir kemudian berbanding para makmum sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW.

Sunat makan sedikit makanan sebelum pergi bersolat Aidilfitri, manakala Aidiladha pula tidak disunatkan makan dan minum sehingga selesai solat.

Sunat pergi ke masjid dengan berjalan kaki dan balik semula melalui jalan yang lain.

Sunat saling mengucapkan tahniah dan doa antara satu sama lain. Hal ini berdasarkan hadis Wasilah yang diriwayatkan oleh al-Bukhari.

Hindari Kelalaian Pada Hari Raya

Beberapa kesilapan yang menyalahi sunnah Rasulullah SAW ketika menyambut hari raya. Antara perkara tersebut ialah :

Tidak menunaikan solat hari raya.

Tidak bersilatullah dengan sanak saudara dan jiran tetangga.

Tidak menutup aurat atau berpakaian yang menjolok mata.

Mendengar lagu-lagu dan nyanyian hari raya berlebih-lebihan. Alangkah baiknya jika digantikan dengan alunan zikir, nasyid dan nyanyian yang tidak keterlaluan.

Bersalam-salaman antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram atau berkumpul setempat sehingga berlaku ikhtilat / percampuran.

Lupa menziarahi golongan fakir miskin dan anak yatim.

Merayakan hari raya sehingga sebulan sehingga lupa menunaikan puasa sunat 6 hari dalam bulan Syawal.

Tidak bersedekah dan memberi bantuan kepada fakir miskin, anak yatim serta mereka yang berada dalam kesukaran.

Berlebih-lebihan dalam berpakaian sehingga menampakkan kemewahan yang melampau hingga membawa perasaan takbur, riak dan sombong.



Keharmonian Keluarga Ketika Ramadhan

MADRASAH IBADAH

Umat Islam hendaklah menjadikan Ramadhan sebagai satu madrasah untuk mendidik diri dan keluarga supaya mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ibadah berjemaah seperti menunaikan solat fardhu dan solat sunat tarawih bersama keluarga merupakan latihan organisasi dalam pengurusan kepimpinan dan kesetiaan individu terhadap kesatuan organisasi bermula dari unit yang kecil.

KEBERKATAN BERSAHUR DAN BERBUKA BERSAMA

Amalan bersahur dan berbuka bersama dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan dan menghidupkan suasana Ramadhan. Malah, makan bersama ini mempunyai keberkatannya yang tersendiri seperti mana

Jadikanlah keberkatan Ramadhan ini sebagai platform untuk kita memperkukuhkan lagi hubungan kekeluargaan

hadis dari Ibnu Umar yang diriwayatkan oleh Thabrani, sabda Baginda SAW: *"Makanlah dengan berkumpul dan jangan sendiri-sendiri! Makanan satu orang cukup untuk dua orang, makanan dua orang cukup untuk tiga atau empat orang. Makanlah dengan berkumpul dan jangan sendiri-sendiri! Kerana berkat itu ada dalam jemaah."*

TABUNG RAMADHAN

Amalan bersedekah yang dianjurkan dalam Islam sebenarnya adalah untuk menzahirkan sifat prihatin akan kesusahan orang lain. Amalan bersedekah boleh diterapkan di kalangan anggota keluarga dengan menyediakan tabung sedekah di rumah sebagai tabung jariah untuk disalurkan kepada fakir dan miskin terutamanya jiran yang memerlukan. Selain beroleh pahala yang berlipat ganda ia juga secara tidak langsung mendidik ahli keluarga untuk menjadi insan yang lebih pemurah. Sepertimana hadis riwayat at-Tirmidzi, *"Sedekah yang paling utama adalah sedekah di bulan Ramadhan"*.

TADARUS AL-QURAN

Hidangan utama ketika Ramadhan ialah al-Quran. Aktiviti tadarus al-Quran bersama ahli keluarga memberi peluang untuk menghayati isi kandungan al-Quran secara bersama dan secara tidak langsung mampu menjadi platform untuk memperbaiki bacaan masing-masing.

Pengajaran Daripada **BADAR KUBRA**

Perang Badar berlaku pada 17 Ramadhan tahun ke-2 hijrah. Ia bermula dengan perancangan Rasulullah SAW yang bertujuan untuk menyekat kafilah dagang Abu Sufyan dan mengambil semula harta milik para sahabat kaum Muhajirin yang telah dirampas. Namun, kedegilan Abu Jahal bersama 1000 orang tenteranya tetap ingin meneruskan perang telah memaksa Rasulullah SAW dan kaum Ansar untuk turut berperang. Dengan kekuatan yang hanya seramai 313 orang serta kelengkapan yang serba kekurangan, tentera Muslim telah berjaya menewaskan tentera Musyrikin.

Peristiwa Perang Badar ini sangat penting dalam sejarah Islam kerana ia banyak mendidik dan menguji keyakinan para sahabat terhadap agama Islam yang mereka imani bersama Rasulullah SAW.

1 Bersangka Baik Dengan Allah SWT & Tawakal

Rasulullah SAW mengajar kita agar tidak lupa kepada Allah SWT dengan menyerahkan segala urusan kepadanya. Sentiasa bersangka baik terhadap Allah SWT yang pasti akan membantu setiap hamba-Nya walau dalam apa jua keadaan sekali pun.

2 Mempertahankan Agama

Ketika menghadapi saat genting, Baginda berdoa kepada Allah SWT demi kelangsungan agama Islam itu sendiri, bukan keselamatan Baginda dan keluarganya. Dalam setiap masa dan keadaan, orang Islam wajib mendahulukan kepentingan agama dalam semua keadaan.

3 Keberkatan Bermusyawarah

Walaupun Baginda seorang Rasul yang menerima wahyu, namun Baginda tetap memutuskan sesuatu keputusan secara musyawarah. Terdapatnya keberkatan dengan amalan musyawarah berbanding dengan keputusan secara bersendirian.

4 Mentaati Pemimpin

Sahabat Rasulullah SAW sentiasa menjadi contoh terbaik yang perlu diikuti. Di saat getir mereka mentaati apa sahaja arahan Rasulullah SAW. Amalan ini menjadi inspirasi sekalian umat Islam selama mana ia tidak bercanggah dengan syariat.

5 Perancangan Rapi dan Berstrategi

Bilangan yang sedikit bukanlah faktor kepada kegagalan. Tetapi dengan perancangan yang rapi dan strategi yang teratur mampu memberi kejayaan dan kemenangan. Namun, ia perlulah berpaksikan keyakinan kepada Allah SWT.

INFO


Islam tidak berkembang melalui mata pedang, sebaliknya berkembang kerana dakwah hasanah yang dibawa oleh Rasulullah SAW

DENGAN SIAPA SAYA WAJIB MENUTUP AURAT DAN **HARAM** BERSALAM/ BERSENTUHAN?



• Isteri kepada

Se



LELAKI (SUAMI)

KUMPULAN KELUARGA PASANGAN KITA

Ibu saudara isteri • Isteri kepada bapa saudara isteri • Isteri abang ipar
da adik lelaki ipar • Kakak ipar • Anak saudara ipar perempuan • Isteri kepada
anak saudara ipar lelaki • Adik beradik perempuan pasangan ipar •
Isteri datuk saudara pasangan • Nenek saudara pasangan

KUMPULAN KELUARGA SENDIRI

Anak angkat perempuan • Isteri anak angkat lelaki • Cucu angkat perempuan •
Isteri cucu angkat lelaki

KUMPULAN KELUARGA KANDUNG

Ibu angkat • Isteri adik beradik lelaki • Isteri kepada anak saudara lelaki •
Cucu saudara perempuan • Isteri cucu saudara lelaki

KUMPULAN KELUARGA BAPA SAUDARA (KETURUNAN SEPUPU)

Sepupu perempuan • Isteri sepupu lelaki • Isteri bapa saudara

KUMPULAN KELUARGA DATUK SAUDARA (KETURUNAN DUA PUPU)

sepupu perempuan sebelah ibu / bapa • Isteri sepupu lelaki sebelah ibu / bapa •
Isteri datuk saudara • Dua pupu perempuan • Isteri dua pupu lelaki

BUKAN AHLI KELUARGA

Semua perempuan bukan mahram

PEREMPUAN (ISTERI)

KUMPULAN KELUARGA PASANGAN KITA

Ipar lelaki • Suami ipar perempuan • Anak saudara ipar lelaki • Suami kepada anak
saudara ipar perempuan • Suami kepada ibu saudara suami • Bapa saudara suami •
Adik beradik lelaki pasangan ipar • Datuk saudara pasangan •
Suami nenek saudara pasangan

KUMPULAN KELUARGA SENDIRI

Anak angkat lelaki • Suami anak angkat perempuan • Cucu angkat lelaki •
Suami cucu angkat perempuan

KUMPULAN KELUARGA KANDUNG

Bapa angkat • Suami adik beradik perempuan • Suami anak saudara perempuan •
Cucu saudara lelaki • Suami cucu saudara perempuan

KUMPULAN KELUARGA BAPA SAUDARA (KETURUNAN SEPUPU)


Sepupu lelaki • Suami sepupu perempuan • Suami ibu saudara

KUMPULAN KELUARGA DATUK SAUDARA (KETURUNAN DUA PUPU)

Sepupu lelaki ibu / bapa • Suami sepupu perempuan ibu / bapa •
Suami nenek saudara • Dua pupu lelaki • Suami dua pupu perempuan

BUKAN AHLI KELUARGA

Semua lelaki bukan mahram



جائزۃ الاسلامیہ



RAMADHAN: KESEMPATAN MEMPERKUKUHKAN AKIDAH

Bulan Ramadhan adalah bulan yang mulia buat seluruh umat Islam. Apabila ketibaan bulan ini, umat Islam di seluruh pelusuk dunia wajib mengerjakan puasa. Ibadah puasa ini dilakukan sepenuhnya kepada Allah SWT sebagai tanggungjawab seorang hamba kepada penciptaNya. Begitu juga dengan ibadah-ibadah sunat lain yang amat wajar diamalkan sepanjang Ramadhan ini.


Islam amat menitikberatkan aspek keyakinan dan pengukuhan akidah. Ini kerana akidah adalah asas kepada kesejahteraan dan petunjuk dari Allah SWT. Di dalam surah Al-An'aam ayat 82 menjelaskan: *"Orang-orang yang beriman dan tidak mencampuradukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan mereka lah orang-orang yang mendapat hidayah"*.

Sebagai muslim yang beriman, kita perlu berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah agar terselamat daripada pengaruh ajaran yang menyeleweng.

Terdapat banyak amalan yang boleh kita lakukan bagi menambahkan keyakinan terhadap Allah SWT. Selain melakukan ibadah wajib seperti solat dan puasa, kita perlu mengambil peluang menggandakan amalan sunat seperti tadarus dan tadabbur al-Quran. Ia boleh ditambah lagi dengan menunaikan amal ibadah seperti solat-solat sunat, beristighfar, berzikir dan bermunajat. Ia selari dengan amalan Nabi Muhammad SAW yang sentiasa bersungguh-sungguh dalam beribadat apabila tibanya Ramadhan. Semua ibadah tersebut akan menjadi bekalan dan menjadi benteng akidah serta mendorong jiwa untuk menjadi manusia yang komited dengan Islam.

Banyak keistimewaan di dalam bulan Ramadhan daripada Allah SWT kepada hambaNya. Dalam hadis yang masyhur, Rasulullah SAW bersabda, *"Barang siapa yang mendirikan Ramadhan dengan penuh keimanan dan pengharapan, akan diampunkan baginya segala dosanya yang lalu"*. Hadis ini mencerminkan betapa Ramadhan perlu dilalui dan ditempuhi dengan keazaman yang bersungguh-sungguh untuk mendapatkan ganjaran pahala serta dapat menguatkan pegangan akidah kita.

Semangat yang ditunjukkan oleh para sahabat Rasulullah SAW di medan perang Badar sewajarnya menjadi inspirasi untuk melipatgandakan amal ibadah dengan penuh keikhlasan sepanjang bulan ini. Semoga kita dapat bertemu dengan malam Lailatulqadar dan keluar sebagai manusia yang suci ibarat kain putih yang bersih di akhir bulan Ramadhan.



Akidah boleh rosak melalui kepercayaan, perbuatan dan perkataan. Antaranya:

- Menyekutukan Allah SWT (Syirik)
- Mencerca Rasulullah SAW dan menolak sunnahnya
- Menolak pengajaran Al-Quran
- Mempersendakan Hukum Allah SWT
- Bergantung kepada makhluk

SEKSYEN 24. TIDAK MENGHORMATI RAMADHAN

Isu menjual makanan pada waktu tengahari pada bulan Ramadhan adalah isu kontemporari yang wujud akibat kegiatan sebahagian orang Islam yang tidak segan-segan enggan untuk berpuasa dalam bulan Ramadhan tanpa keuzuran dan kadang-kadang dilakukan secara terbuka. Sewaktu umat Islam melaksanakan Rukun Islam keempat ini dengan penuh keimanan dan mengharap pahala dari sisi Allah S.W.T, ada dalam kalangan peniaga yang tidak sensitif membiarkan orang-orang yang tidak berpuasa ini untuk makan dan minum di dalam premis mereka.

Menjual apa-apa makanan, minuman atau tembakau kepada seseorang yang beragama Islam untuk dimakan, diminum atau dihisap dengan serta merta; atau

Seseorang Yang Pada Siang Hari Di Dalam Bulan Ramadhan

Dengan terang-terang atau di tempat awam didapati sedang makan, minum atau menghisap tembakau, adalah melakukan suatu kesalahan.

- Haram hukumnya untuk menjual makanan pada waktu siang bulan Ramadhan dengan tujuan untuk memberi makan kepada orang yang tidak berpuasa, bukan disebabkan suatu keuzuran, dan dimakan serta merta. Namun apabila sudah termeterai akad, maka sahlah jual beli itu beserta dengan dosa.
- Polisi yang diletakkan oleh pihak berkuasa tempatan seperti had masa tertentu untuk berniaga, adalah amat baik dan sesuai dalam mengimbangi keperluan dan mengawal kerosakan yang wujud dalam isu ini.

INFO

Dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan dan bagi kesalahan yang kedua atau

yang berikutnya hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

SMART QURAN

APLIKASI QURAN TELEFON PINTAR

CIRI-CIRI APLIKASI SMART QURAN

Dibangunkan hasil usahasama antara Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Disemak oleh Lajnah Tashih al-Quran dan diluluskan oleh Lembaga Kawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Quran Kementerian Dalam Negeri Malaysia.

Tulisan ayat Al-Quran adalah Rasm Uthmani.

Ia mempunyai audio daripada bacaan berikut :


- Syeikh Abdullah Ibn Ali Basfar
- Syeikh Ali al Huzaifi
- Syeikh Ibrahim al Akhdar
- Syeikh Muhammad Ayyub Ibn Muhammad Yusuf

Mempunyai terjemahan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

Al-Quran boleh diakses dan dibaca tanpa mengira masa dan tempat dengan kemudahan aplikasi ini



SMART QURAN



Hadis Dan Doa Pilihan

Berpuasa Di Bulan Ramadhan Kerana Allah

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya :

“Barang siapa yang berpuasa pada bulan Ramadhan kerana iman dan mengharap pahala (redha Allah), maka diampuni dosa-dosanya yang terdahulu”.
(HR Bukhari dan Muslim)

1

Kita disarankan beribadah dengan penuh keimanan dan kesungguhan dalam mengharap pahala daripada Allah SWT.

2

Berpuasa di bulan Ramadhan dengan penuh keikhlasan serta mengharap keredhaan Allah SWT akan diampunkan segala dosa-dosa kecilnya.

3

Allah SWT telah menurunkan al-Quran al-Karim di dalam bulan yang mulia ini.

4

Berlakunya malam “Lailatulqadar” yang mana pada malam tersebut lebih baik daripada 1000 bulan.

5

Perbanyakkanlah berdoa ketika berpuasa kerana doa orang yang berpuasa tidak akan ditolak oleh Allah SWT.

Doa Berlindung Daripada Fitnah Dajjal

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ، وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ،
وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ، وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ

Maksudnya :

“Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu daripada azab neraka Jahannam, daripada azab kubur, daripada fitnah kehidupan dan setelah mati serta daripada kejahatan fitnah al-Masih al-Dajjal”.
(HR Muslim)

*Doa ini disunatkan kepada kita untuk membacanya ketika selesai membaca tahiyat akhir sebelum memberi salam

"RASUAH MUSUH NEGARA"

5 FEBRUARI 2021M/23 JAMADIL AKHIR 1442H



1

Rasuah merupakan perbuatan jenayah yang telah menular sekian lama wujud semenjak ribuan tahun yang lampau dalam masyarakat dunia umumnya dan khususnya dalam rakyat Malaysia.

2

Golongan yang sering dikaitkan @ sinonim dengan jenayah rasuah ini adalah pihak yang mempunyai kuasa seperti perkhidmatan awam, swasta, ahli politik dan orang awam.

3

Rasuah meliputi perbuatan meminta, menerima, menerima suapan atau tuntutan palsu mahupun menyalahgunakan jawatan untuk kepentingan diri keluarga dan pihak-pihak tertentu.

4

Rasuah boleh berlaku di mana-mana sahaja sama ada di tempat sunyi mahupun di tempat terang kerana pendinding sebenar perlakuan rasuah adalah taqwa dan iman.

5

Perbuatan menyogok pihak berkuasa bagi tujuan mengambil hak orang lain secara batil adalah perbuatan yang keji & boleh menghancurkan sistem pentadbiran sesebuah negara.

6

Setiap yang melakukan rasuah sama ada pemberi, penerima atau bersubahat dianggap sebagai perompak harta rakyat.

7

Kesan dari perbuatan rasuah ini akan mengakibatkan kestabilan politik, ekonomi dan keselamatan negara akan terancam. Islam menganggap perbuatan menerima dan memberi rasuah sebagai perbuatan jijik dan siapa melakukannya dikira fasiq dan berdosa besar.

8

Pengamal rasuah merosakkan kesinambungan keturunannya kerana telah dinodai dengan sumber yang haram.

9

Dalam konteks kepimpinan, pemakan rasuah tidak mampu memberi kebaikan dan kesejahteraan hidup kepada masyarakat.

"CABARAN PENDIDIKAN MASA KINI; APAKAH PERANAN MASJID?"

19 FEBRUARI 2021M/7 REJAB 1442H



1

Institusi masjid wajar mengambil peranan dalam membantu keseimbangan kemudahan pembelajaran di antara bandar dan luar bandar.

2

Pendidikan berperanan utama dalam membantu pembinaan sahsiah dan masa depan generasi muda.

3

Setiap tahun peruntukan kewangan untuk program pendidikan diberi keutamaan berbanding untuk membeli senjata atau alat peperangan. Kerajaan telah membina prasarana pendidikan yang memberi peluang persekolahan kepada anak-anak desa belajar di bandar bagi merapatkan jurang perbezaan.

4

Masjid dan surau disarankan supaya membantu anak-anak kariah yang memerlukan bantuan peranti dan capaian internet untuk tujuan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

5

Masjid dan surau disarankan menyediakan tabung khas kepada orang ramai untuk membuat sumbangan bagi menjayakan program PdPR.

6

Orang ramai, ahli korporat dan pelbagai pihak disarankan tampil ke hadapan memberikan sumbangan dan wakaf membantu menjayakan program PdPR di masjid dan surau.

Executive Talk & Perutusan Tahun Baru 2021

01 Februari 2021 / Isnin

Disampaikan oleh YAB Dato' Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak dan diadakan secara atas talian melalui medium Facebook Live Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Penjawat Awam Fokus 5S

- S1 Selami Perubahan
- S2 Struktur Semula
- S3 Sediakan Peluang
- S4 Seimbang dan Mampai
- S5 Stabil

3 Pendekatan Tambah Baik Penyampaian Perkhidmatan

- 1 Pasang telinga, buka mata
- 2 Turun Padang, Atur Langkah Penyelesaian
- 3 Bersama Berganding Bahu

- Memperkenalkan 5 Teras Utama Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tahun 2021.

5 Teras Utama Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak

- 1 Merangsang Ekonomi Yang Berdaya Tahan
- 2 Memantapkan Sistem Penyampaian Awam
- 3 Menegakkan Keadilan Sosial Dan Pembasmian Kemiskinan
- 4 Memacu Pemodenan Dan Budaya Pendigitalan
- 5 Meneraju Kelestarian Sumber Dan Alam Sekitar

OPERASI BERSEPADU

Sempena Sambutan Tahun Baru

31 Disember 2020 / Khamis

Operasi bersepadu ini diketuai oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan turut disertai oleh beberapa agensi penguatkuasaan yang lain iaitu Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah JAIPK, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan juga Majlis Bandaraya Ipoh (MBI).

- Sasaran operasi adalah kepada pengunjung-pengunjung pusat hiburan sekitar Ipoh.
- Pemeriksaan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) lebih menjurus kepada mana-mana orang Islam yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 59 Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992 kerana kesalahan minum minuman memabukkan yang memperuntukkan denda sebanyak RM 3,000 atau hukuman penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.



Pemeriksaan di salah sebuah pusat hiburan sekitar Ipoh.



Pemeriksaan oleh agensi penguatkuasaan ke atas pengunjung-pengunjung yang hadir di pusat hiburan terbabit.



Keadaan di salah sebuah pusat hiburan yang terlibat dalam operasi bersepadu sempena sambutan tahun baru.

Seminar Pengurusan Stres: "Tolong!!! Aku Stres"

26 Januari 2021 / Selasa

Dianjurkan oleh Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM) secara atas talian melalui medium Facebook Live. Seminar ini telah disampaikan oleh Penceramah terkenal A.F Ustaz Muhammad Bin Abdullah (Ustaz Amin) dan telah mendapat sebanyak 9,675 tontonan sejak ia diadakan.

- Memperkenalkan cara menguruskan stres mengikut perspektif Islam.
- Perkongsian pelbagai doa dan teknik untuk mengurangkan tekanan yang perlu dijadikan amalan.



Diadakan secara atas talian menerusi Facebook Live INTIM Perak.



Seminar ini dikendalikan oleh A.F Ustaz Zainuri bin Abdul Aziz.



Perkongsian penceramah berkaitan pegurusan emosi yang betul dan cara menguruskan tekanan.

Pelancaran Modul Remaja Al-Ridzuan

28 Oktober 2020 / Rabu

Berlangsung di Masjid Sultan Azlan Shah, Jalan Raja Musa Mahadi, Institut Tadbiran Islam Perak, 31400 Ipoh, Negeri Perak dengan dihadiri seramai 450 orang jemputan.

- Modul Remaja Al-Ridzuan diterbitkan dengan menyasarkan usaha penyediaan dan pembinaan generasi muda masa kini bagi mendekatkan diri dengan masjid.



Majlis turut dihadiri oleh Datuk Ahmad Suaidi Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YB Ustaz Mohd Akmal bin Kamarudin, Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Dan Penerangan Negeri Perak dan Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin, Pengarah Jabatan Agama Islam Perak.



Pelancaran telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Ahmad Faizal Dato' Haji Azumu, Menteri Besar Perak.

Tetamu jemputan membuat bacaan ringkas Modul remaja Al-Ridzuan.

Bengkel Penyelarasan Gerak Kerja Guru Agama Dakwah (GAD) Negeri Perak Tahun 2021-2023

24 -25 Februari 2021 / Rabu - Khamis



Bengkel ini telah dirasmikan oleh Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin, Pengarah Jabatan Agama Islam Perak. Turut hadir bersama ialah Tuan Haji Harith Fadzil bin Abdul Halim, Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak serta Pegawai Tadbir Agama seluruh Negeri Perak.



Seramai 150 orang Guru Agama Dakwah Negeri Perak yang menyertai bengkel ini.



Perkongsian yang disampaikan dalam melahirkan Guru Agama Dakwah yang profesional.

Program ini diadakan selama dua hari di The Orient Star Resort, Lumut dan melibatkan seramai 150 orang Guru Agama Dakwah Negeri Perak.

- Melahirkan Guru Agama Dakwah yang bersikap profesional dan berdaya maju dalam melaksanakan usaha dakwah yang semakin mencabar.
- Meningkatkan anjakan paradigma Guru Agama Dakwah dalam usaha menyebarkan risalah dakwah serta menjadi juru bicara ummah yang kompeten.
- Memastikan gerak kerja Guru Agama Dakwah lebih bersistematik dan bergerak di dalam organisasi berkumpulan.
- Memberi pendedahan dan menyelaraskan gerak kerja Guru Agama Dakwah selari dengan objektif Bahagian Dakwah serta keperluan pada masa kini.

Majlis Menandatangani Memorandum Persetujuan Kajian Ilmiah Antara Jabatan Agama Islam Perak Dan UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar

26 Mac 2021 / Jumaat

Majlis berlangsung di UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar. Tajuk kajian kali ini ialah Indeks Kepuasan Kualiti Pengurusan Jawatankuasa Kariah Masjid Negeri Perak.

- Membangunkan indeks kepuasan Jemaah masjid terhadap kualiti pengurusan ahli jawatankuasa masjid.
- Menganalisis nilai indeks kepuasan Jemaah masjid terhadap kualiti pengurusan ahli jawatankuasa masjid daerah di Negeri Perak.
- Mengenalpasti hubungan antara kepuasan Jemaah masjid dengan kualiti pengurusan jawatankuasa masjid daerah di Negeri Perak.
- Menilai kekuatan dan kelemahan kualiti ahli jawatankuasa masjid daerah di Negeri Perak.
- Mencadangkan solusi dalam meningkatkan kualiti pengurusan ahli jawatankuasa masjid di Negeri Perak.



Memorandum ditandatangani oleh Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin, Pengarah Jabatan Agama Islam Perak dan Profesor Sr. Dr. Md Yusof Bin Hamid, Rektor UiTM Cawangan Perak.



Turut hadir bersama ialah Prof. Madya Dr. Nur Hisham Bin Ibrahim, Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni UiTM Cawangan Perak dan Mohd Azam Bin Hamzah, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Perak.



Kesemua wakil jabatan bergambar bersama.

Teka Silang Kata

RAMADHAN AL-MUBARAK

5

HADIAH
MISTERI
MENANTI
ANDA



MELINTANG

- Berkumur dan memasukkan air ke dalam hidung ketika berwuduk secara berlebihan adalah
- Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkan pada sepuluh malam terakhir Ramadhan sehingga Baginda wafat.
- Puasa melatih diri untuk
- Puasa enam hari pada bulan
- Puasa Ramadhan tidak sah tanpa
- Zakat fitrah adalah ke atas setiap Muslim.
- puasa sunat pada 1 Syawal.
- "Carilah Lailatulqadar pada malam terakhir Ramadhan".
- Suci daripada haid dan nifas merupakan syarat puasa.

KE BAWAH

- Jibril AS melakukan al-Quran dengan Rasulullah SAW setiap malam sepanjang Ramadhan.
- "Bersahurlah kamu kerana sesungguhnya sahur itu ada"
- Puasa membersihkan diri daripada sifat
- Berpuasa di siang hari dan bersolat pada malam harinya.
- Perang ketika Ramadhan.
- dengan sengaja membatalkan puasa.
- Secukup makanan rasmi sesebuah negara untuk sehari puasa yang ditinggalkan.
- Hilang menyebabkan puasa seseorang itu batal.



Tarikh tutup penyertaan : 31/05/2021

NAMA : UMUR :

ALAMAT :


NO. TELEFON :

SYARAT DAN PERATURAN

- Penyertaan terbuka kepada semua pembaca al-Ridzuan.
- Tarikh tutup penyertaan : 31/05/2021
- Penyertaan yang diterima selepas tarikh tersebut adalah ditolak.
- Pemenang dikira jika menjawab semua petak dengan betul.
- Isikan semua petak dengan HURUF BESAR dengan jelas.
- Hantarkan gambar jawapan anda beserta maklumat penyertaan dan hantarkan kepada pihak urus setia menerusi alamat e-mel ukmjaipk@gmail.com dengan subjek "Jawapan silang kata 3"
- Pemenang akan dihubungi melalui telefon atau e-mel.
- Keputusan hakim adalah muktamad.

JAWAPAN TEKA SILANG KATA SIRI 2

JOM KENALI NABI MUHAMMAD SAW



SENARAI PEMENANG

JAWAPAN TEKA SILANG KATA SIRI 2



- Megat Muhammad Zaharin Megat Khairul Muntaha, Chemor
- Muhammad Haikal Mohd Ayob, Ipoh
- Muhammad Thoriq Rasid, Ipoh
- Syarul Azhar Murad, Pusing
- Zahidatul Akmal Binti Aziz, Melaka



Soalan :

Apakah yang dimaksudkan dengan Tibb Nabawi?

Jawapan :

Tibb Nabawi (al-tibb al-nabawi) merupakan komponen utama dalam kaedah pengubatan Islam. Ia merujuk kepada perkataan ataupun perbuatan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW berkaitan dengan penyakit, rawatan dan penjagaan pesakit. Ia juga melibatkan hadis-hadis yang berkaitan dengan perubatan dan rawatan yang dilakukan ke atas orang lain yang tidak pernah dilarang oleh Baginda. Ia juga termasuk rawatan perubatan yang diketahui oleh Nabi SAW tetapi Baginda tidak melarangnya.

Sebahagian pengkaji menyamakan antara perubatan Islam dan al-tibb al-nabawi. Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam menetapkan bahawa pengubatan Islam adalah pengubatan Nabi SAW.

Manakala sebahagian pengkaji menganggap al-tibb al-nabawi (prophetic medicine) merupakan suatu yang berlainan dengan perubatan Islam

yang berbentuk saintifik dan analisis. Mengecilkan skop al-tibb al-nabawi, Dr. Husain Nagamia memberikan definisi perubatan Islam sebagai :

"a body of knowledge of medicine that was inherited by the Muslims in the early phase of Islamic history (40-247 AH / 661-861AD) from mostly Greek sources, but to which become added medical knowledge from Persia, Syria, India and Byzantine."

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan, dapat dirumuskan tiga pandangan berkaitan hubungan antara perubatan Islam dan al-tibb al-nabawi :

- i. Al-tibb al-nabawi adalah merupakan perubatan Islam
- ii. Al-tibb al-nabawi adalah sebahagian daripada perubatan Islam
- iii. Al-tibb al-nabawi berbeza dengan perubatan Islam.

موتيارا کات بویا همکا

القرءان یغ دباچ باءق ۲ اداله تنداء جیوا یغ کپغ

اکن ماکنن برکیزی

تداروس القرءان دغن مماتوهی سکاالا ادبن اکن

ملاهیرکن جیوا یغ تنغ

Masjid **Ihsaniah** **Iskandariah**

- Telah dibina pada tahun 1936 dengan ihsan Almarhum Paduka Seri Sultan Iskandar Shah, Sultan Perak ke-30 dan telah dirasmikan pada 10 Zulhijjah 1356H bersamaan 11 Februari 1938M
- Idea untuk membina masjid di lokasi Kampung Kuala Dal tercetus apabila baginda Sultan terlihat rakyat menunaikan solat berjemaah di madrasah yang sangat usang di kampung berkenaan.
- Dibina berdasarkan seni bina Istana Kenangan di Bukit Chandan, Kuala Kangsar.
- Masjid ini mempunyai 20 buah tingkap dan setiap tingkap dihiasi dengan motif insang ikan Yu dan pucuk kacang pada kepala tingkap dan diserikan dengan ukiran bulan sabit serta bintang pecah lima.
- Masjid ini dibina di atas tanah wakaf sumbangan seorang bangsawan. Manakala kerja-kerja pembinaan dilakukan secara gotong royong oleh penduduk kampung itu sendiri dan melibatkan pihak-pihak lain.
- Masjid ini tidak lagi digunakan semenjak tahun 1976 dan menjadi semakin uzur dan usang sehingga dipulihara pada tahun 2008 dan diletakkan di bawah seliaan Jabatan Warisan Negara sehingga kini.

